



## SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

### STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 25/2020

RUJUKAN : 16 APRIL 2020



**BANCIS**  
PENDUDUK & PERUMAHAN  
**MALAYSIA 2020**  
DATA ANDA MASA DEPAN KITA  
7 JULAI 2020



[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)



[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)



# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Penularan pandemik COVID-19 masih terus mengancam kesihatan global apabila tiada gambaran jelas tentang peralihan kepada fasa pemulihan jangkitan ini dalam jangka masa terdekat. Sungguhpun berdasarkan peratus peningkatan ianya adalah lebih rendah berbanding tempoh sebulan yang lalu, namun catatan angka kumulatif jangkitan positif di seluruh dunia terus mencetuskan kebimbangan. Sehingga kini kes positif telah mencecah 2 juta kes dengan membabitkan lebih 100 ribu kematian. Selain Amerika Syarikat, Sepanyol dan Itali, beberapa negara lain terus memintas China pada awal April seperti Jerman, Perancis dan yang terkini United Kingdom.

Senario di Malaysia, sebaliknya menggambarkan situasi yang positif terutamanya dengan perkembangan graf kes aktif dengan kebolehjangkitan yang mula mendatar. Ini memberikan garapan tanda-tanda keberhasilan dalam aspek pengawalan jangkitan. Kementerian Kesihatan Malaysia pada 16 April 2020 memaklumkan **kumulatif kes sembuh meningkat kepada 2,766** berbanding **kes aktif 2,332 kes**, dipengaruhi oleh corak peningkatan kes sembuh yang mula menunjukkan perubahan drastik bermula penghujung Mac lalu. Sementara itu, sebanyak **110 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,182 kes**. **Kawasan Lembah Klang kekal mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 45.1 peratus**, Zon Selatan (22.2 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.3 peratus), Zon Pantai Timur (10.1 peratus) dan Zon Utara dengan 9.3 peratus. Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan di **WP Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan** dengan **masing-masing merekodkan 26 kes** disusuli Sarawak (16 kes), Selangor (13 kes), Johor (13 kes) dan Pahang sebanyak 8 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi empat buah negeri termasuk satu Wilayah Persekutuan. Pada masa yang sama, sejumlah **84 kes kematian** telah direkodkan sehingga kini menerusi **pertambahan 1 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Di seluruh dunia, **kumulatif jangkitan COVID-19** meningkat kepada **2,061,037 kes** dengan **jumlah kematian 134,355 kes**. **Amerika Syarikat mendominasi** bilangan kes positif **sebanyak 637,359**, meningkat 27,843 kes disusuli Sepanyol dengan jumlah 180,659 kes dan Itali sebanyak 165,155 kes. Sementara itu, **kematian tertinggi** direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 28,364 kes**, diikuti Itali yang mencatatkan 21,645 kes, Sepanyol (18,812 kes) dan Perancis (17,188 kes). Statistik bagi kadar kematian menunjukkan **Belgium telah mengatasi Itali** apabila **mencatatkan kadar yang tertinggi** dengan 13.22 peratus, Itali (13.11 peratus) dan United Kingdom (12.96 peratus). Kadar kematian peringkat global dicatatkan pada 6.52 peratus manakala kes sembuh meningkat kepada 511,475 (24.82 peratus) seperti pada jadual 2.

Impak gelombang pandemik ini menyaksikan ekonomi dunia mengalami kejutan dan ketidakpastian. Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ekonomi global mungkin akan mengalami kemelesetan paling teruk sejak Zaman Kemelesetan pada tahun 1930-an, dan jauh lebih buruk daripada krisis kewangan global 2009. Keadaan yang digelar “The Great Lockdown” ini dijangka menyebabkan kemerosotan pertumbuhan global secara mendadak. Pertumbuhan **ekonomi dunia diunjurkan merosot kepada -3 peratus** berbanding **penguncutan 0.1 peratus semasa krisis kewangan global 2009**, manakala **Malaysia pula menguncup kepada -1.7 peratus** pada tahun 2020.

Pada masa yang sama, walaupun Malaysia bakal menghadapi tekanan ekonomi, beberapa faktor telah dikenalpasti bagi menjadikan Malaysia lebih berdaya tahan berbanding negara lain. Berdasarkan kenyataan daripada World Bank, kepelbagaiannya struktur ekonomi, kecemerlangan rekod pengurusan ekonomi makro, pasaran modal serta institusi kewangan yang teguh di samping pengalaman menangani krisis ekonomi terdahulu merupakan antara kekuatan Malaysia dalam menghadapi impak wabak COVID-19 ini. Pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan yang berjumlah RM260 bilion meliputi kira-kira 17 peratus daripada KDNK Malaysia dan ia merupakan antara yang tinggi berbanding negara-negara lain. Implikasi kepada ekonomi yang bakal berlaku bergantung kepada inisiatif Malaysia menangani kesan wabak di samping melindungi rakyat, golongan PKS dan juga struktur ekonomi yang lebih meluas. Walau bagaimanapun, Malaysia masih mempunyai ruang untuk menyalurkan bantuan fiskal dan kerajaan perlu berhati-hati dalam menyeimbangkan peruntukan sumber tambahan seterusnya memelihara kredibiliti negara dalam pengurusan fiskal.

Kejutan ekonomi global berikutan perkembangan semasa penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Research memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**AS: Jualan runcit di AS turun menjunam -8.7 peratus pada bulan Mac 2020.** Kejatuhan ini mencerminkan kesan penutupan perniagaan yang disebabkan oleh krisis kesihatan COVID-19. Penurunan ini adalah lebih rendah berbanding jangkaan -8.0 peratus. **Pada Februari 2020, jualan runcit AS turun pada kadar marginal -0.4 peratus.** Tanpa mengira penjualan jualan kenderaan bermotor dan alat gantian, penjualan runcit turun -4.5 peratus. (RTT)

**AS: Pengeluaran perindustrian menunjukkan penurunan paling tinggi dalam jangka masa 70 tahun.** Pengeluaran industri **menjunam sebanyak -5.4 peratus** pada bulan Mac 2020 setelah mencatatkan penurunan marginal -0.5 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan ini adalah lebih tinggi berbanding jangkaan -4.0 peratus. **Output pembuatan mendorong kejatuhan ini dengan penurunan sebanyak -6.3 peratus** pada bulan Mac berbanding -0.1 peratus pada bulan sebelumnya. Majoriti industri utama mencatat penurunan, dengan **penurunan terbesar direkodkan oleh kenderaan bermotor dan alat gantian.** (RTT)

**EU: Kemelesetan Jerman akan berterusan sehingga pertengahan tahun.** Ekonomi Jerman mengalami kemelesetan pada bulan Mac dan dijangka berterusan sehingga pertengahan tahun ini, menurut kementerian ekonomi. Permintaan global yang menjunam, gangguan rantaian bekalan, perubahan tingkah laku pengguna dan ketidakpastian di kalangan pelabur memberi kesan besar kepada Jerman. Kementerian menyatakan, walaupun langkah-langkah jarak sosial diturunkan, aktiviti ekonomi tetap akan sangat lemah. (Reuters)

**UK: Bank Pusat UK (BoE) akan membeli GBP 554 juta bon kerajaan dalam tempoh tiga bulan akan datang** sebagai sebahagian daripada pelaburan modal dan rizab bebasnya. BoE mengatakan ia juga akan membeli bon *supranational* bernilai GBP 10 juta antara 15 April dan 30 Jun. Pada suku pertama tahun 2020, BoE telah membeli bon kerajaan bernilai GBP 452 juta dan bon *supranational* berjumlah GBP 10 juta. (Reuters)

**CHINA: Bank Pusat China (PBoC) akan menambah kecairan dan mengurangkan kadar pinjaman** bagi merangsang prestasi KDNK yang sedang menurun akibat wabak COVID-19. PBoC menawarkan CNY 100 bilion melalui kemudahan pinjaman jangka sederhana satu tahun dengan kadar faedah diturunkan kepada 2.95 peratus berbanding 3.15 peratus sebelum ini. (Bloomberg)

**CHINA: FDI merosot pada bulan Mac 2020.** FDI ke China menurun terutama pada bulan Mac kerana langkah-langkah pencegahan pandemik COVID-19 merencatkan perdagangan dan pelaburan antarabangsa. **FDI merosot -14.1 peratus pada bulan Mac** berbanding tahun lalu, iaitu 11.5 mata peratus kurang dari kejatuhan Februari yang lalu. **Pada suku pertama, ekonomi China berjaya menarik sebanyak AS\$ 31.2 bilion pelaburan.** Pelaburan merosot lebih daripada 10 peratus pada ST1 2020. IMF meramalkan pertumbuhan China lemah kepada 1.2 peratus tahun ini. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Impak Covid-19** telah mengganggu penghantaran LNG di seluruh Asia. Pembeli di Korea Selatan dan Jepun, termasuk Korea Gas Corp. dan Tokyo Gas Co., dijangka menangguhkan kargo yang dijadualkan untuk dihantar sehingga Oktober. Beberapa pembeli di Asia Utara telah menggunakan klausa "toleransi pengurangan kuantiti" dalam kontrak jangka panjang mereka, yang membolehkan mereka **mengambil volum sehingga 10%** lebih rendah daripada yang telah disepakati.
2. **Malaysia dijangka** akan mengalami kerugian sebanyak RM30.9 bilion pada tahun ini sekiranya harga minyak mentah dunia kekal pada paras USD 30 per barrel.
3. **Prospek eksport Minyak Sawit Mentah (MSM)** bagi bulan Mei dan seterusnya **amat dibimbangi** ketika sebahagian besar negara-negara masih bergelut menangani pandemik COVID-19. Penyusutan permintaan minyak sawit telah menyebabkan harga **MSM merosot kepada RM2,200-RM2,300 satu tan** daripada paras **RM3,000 satu tan** pada Januari lepas.
4. **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)** menerima **18,650 permohonan** permit operasi pada hari pertama fasa 3 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lebih tinggi banding fasa 1 dan 2. Permohonan ini ditambahbaik dengan bantuan Cybersekuriti Malaysia dan TM.
5. **Kementerian Sumber Manusia** memaklumkan perkerja yang perlu kembali ke tempat kerja harus melalui proses saringan. **Kos saringan** akan dibiayai oleh **PERKESO** berdasarkan rekod pekerja yang berdaftar di lebih **3,000 klinik panel PERKESO** seluruh negara.
6. Sabah akan memberi tumpuan kepada **pertumbuhan sektor utama yang produktif** iaitu **sektor pelancongan, industri dan pertanian** dalam usaha mempercepat pembangunan ekonomi negeri tersebut. Ini selari dengan usaha kerajaan negeri untuk memastikan dasar pembangunan Sabah kekal utuh di samping **menjana lebih banyak peluang pekerjaan** untuk rakyat Sabah terutamanya semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025).
7. **Nilai harta tanah dijangka** menurun **sebanyak 20%** bagi beberapa bulan ke hadapan susulan semakin ramai penjual harta tanah dalam pasaran tersebut. Nilai harta tanah dijangka mengalami **penyusutan antara 10% pada tahap tertinggi** manakala **20% pada tahap terendah**. Ejen harta tanah Malaysia digalakkan untuk menggunakan teknologi bagi

memperkuuh perkhidmatan diberikan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta penularan wabak Covid-19.

8. **Pasaran pembiayaan platform pendanaan ekuiti ramai (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P)** menyediakan pembiayaan alternatif yang memberi kebaikan kepada sektor Borong dan Perdagangan Runcit, Kenderaan Bermotor serta Maklumat dan Komunikasi.
9. **Industri perabot** telah terjejas akibat pandemik COVID-19 dan memerlukan **tiga hingga lima tahun untuk pulih sepenuhnya**.
10. TM berjaya **memulihkan kapasiti rangkaian antarabangsa yang terjejas akibat kerosakan kabel Asia Pacific Cable Network 2 (APCN2)** dengan mengalihkan haluan dan mengoptimumkan trafik sepenuhnya menerusi laluan sambungan antarabangsa alternatif.
11. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menjangkakan krisis COVID-19 akan meningkatkan kadar pengangguran terutamanya dalam sektor perkhidmatan. **Pekerja di dalam sektor informal** di negara-negara sedang membangun merupakan **paling berisiko untuk diberhentikan kerja**.
12. **Saiz pasaran global bagi produk buluh dianggarkan berjumlah AS\$68 bilion** pada 2018. Walau bagaimanapun, sumbangan eksport industri berdasarkan buluh negara masih rendah iaitu sekitar RM9 juta pada 2019.
13. Malaysian Iron and Steel Industry Federation (MISIF) telah **membangunkan prosedur operasi standard (SOP)** kepada ahli yang dibenarkan beroperasi semasa tempoh PKP. **Industri besi dan keluli merupakan industri sokongan** kepada industri pembinaan, elektrik dan elektronik, minyak dan gas, automotif, mesin dan peralatan, aeroangkasa, perabot dan pengangkutan.
14. Persatuan Perabot Muar (MFA) mencadangkan **enam langkah untuk dipertimbang kerajaan bagi membantu syarikat perabot** bandar itu di mana 80 peratus adalah melibatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Terdapat 674 syarikat ahli persatuan mengalami kekangan meneruskan perniagaan termasuk kekurangan jualan, kecairan tunai dan pembayaran gaji pekerja.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>The Malaysian Reserve</b>	<p><b>Natural rubber production dropped 29.2% in February</b></p> <p>THE Department of Statistics Malaysia (DoSM) revealed that natural rubber production in the country decreased by 29.2% to 46,881 tonnes in February 2020 compared to 66,232 tonnes in January.</p> <p>Chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said the production of natural rubber decreased by 20.6% year-on-year.</p> <p>Malaysia is ranked fifth among main producing countries in terms of production of natural rubber in February.</p>	<a href="https://themalaysianreserve.com/2020/04/16/natural-rubber-production-dropped-29-2-in-february/">https://themalaysianreserve.com/2020/04/16/natural-rubber-production-dropped-29-2-in-february/</a>
2.	<b>The Malaysian Reserve</b>	<p><b>Economic fallout from Covid-19 will hurt insurance premium growth</b></p> <p>RAM Rating Services Bhd (RAM Ratings) said based on historical data, new business for the life insurance sector contracted 4.6% during the global financial crisis in 2008 and 10.2% amid the Asian financial crisis in 1998.</p> <p>The contraction of general insurance premiums is expected to be more pronounced in 2020, taking into account the challenging economic conditions and gradual effects of tariff</p>	<a href="https://themalaysianreserve.com/2020/04/16/economic-fallout-from-covid-19-will-hurt-insurance-premium-growth/">https://themalaysianreserve.com/2020/04/16/economic-fallout-from-covid-19-will-hurt-insurance-premium-growth/</a>

		<p>liberalisation for the motor and fire segments.</p> <p>Last year, the general insurance industry's premiums declined 0.8% to RM17.4 billion against a growth of 1.8% the year before.</p>	
3.	<b>The Star</b>	<p><b>Plantation experts concerned over May CPO exports</b></p> <p>The lower palm oil demand weakened CPO price to RM2,200-RM2,300 per tonne from the RM3,000 per tonne level in January.</p> <p>Alliance DBS, remained optimistic, forecasting an export growth in the next couple of months for the commodity, with constant demand coming from China and India - countries with the world's largest populations - simply due to the mass production of food and essentials such as instant noodles, cooking oil and soap.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/16/plantation-experts-concerned-over-may-cpo-exports">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/16/plantation-experts-concerned-over-may-cpo-exports</a>
4.	<b>Bernama</b>	<p><b>Ideas: Full impact of COVID-19 on O&amp;G industry still early to assess</b></p> <p>Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) senior fellow Dr Renato Lima de Oliveira said the oil industry was facing a historic crisis that will reverberate across countries and supply chain, with lower fiscal revenues and investment cuts.</p>	<a href="https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1832626">https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1832626</a>

	On average, Malaysia is expected to lose US\$1.7 billion annually in new capital investment and reduced fiscal revenue from O&G by US\$7.1 billion, and this will put further pressure on the country's finances.	
--	---	--

**Penemuan penting & isu:**

1. Pengeluaran getah asli di Malaysia menurun sebanyak 29.2% kepada 46,881 tan pada Februari 2020 berbanding 66,232 tan pada bulan Januari 2020.
2. Prospek eksport Minyak Sawit Mentah (MSM) bagi bulan Mei dan seterusnya amat dibimbangi ketika sebahagian besar negara-negara masih bergelut menangani pandemik COVID-19. Penyusutan permintaan minyak sawit telah menyebabkan harga MSM merosot kepada RM2,200-RM2,300 satu tan daripada paras RM3,000 satu tan pada Januari lepas.
3. Kesan penuh COVID-19 terhadap industri minyak dan gas (O&G) masih sukar untuk dinilai, industri ini dijangka mencatat sekurang-kurangnya 5.0 peratus pengurangan permintaan minyak dan gas tahun ini.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Penurunan hasil pengeluaran getah asli secara tidak langsung akan memberi kesan kepada industri pembuatan produk getah dan secara keseluruhan kepada ekonomi negara. Pada ST4 2019, subsektor pertanian getah menyumbang 0.2 peratus kepada KDNK Malaysia manakala industri pembuatan produk getah menyumbang sebanyak 0.6 peratus.
2. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Pandemik Covid-19 di negara-negara pengimpor menyebabkan penggunaan dan permintaan minyak sawit merosot dan menjaskan eksport minyak sawit negara. Pada tahun 2019, sub sektor kelapa sawit meyumbang 2.7 peratus kepada ekonomi Malaysia.
3. Kemerosotan permintaan minyak mentah dan gas akan mempengaruhi harga minyak mentah dan secara langsung memberi impak kepada ekonomi negara terutamanya dalam sektor Perlombongan dan pengkuarian. Pada ST4 2019, nilai ditambah sektor tersebut menguncup pada negatif 2.5 peratus berbanding negatif 4.3 peratus pada suku tahun sebelumnya.

B.	Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
	<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>		
1.	The Sun Daily	<p><b>Families now have quality time together, but grocery expenses go up</b></p> <p>Spending on groceries has risen and higher domestic expenses as one of the major changes brought on by being forced to stay at home. Personal hygiene needs and disinfectants are among the hottest sellers.</p> <p>The trend reflected the influence Covid-19 has had on consumer behaviour.</p>	<a href="https://www.thesunday.my/local/mco-families-now-have-quality-time-together-but-grocery-expenses-go-up-NX2264395">https://www.thesunday.my/local/mco-families-now-have-quality-time-together-but-grocery-expenses-go-up-NX2264395</a>
2.	Berita Harian	<p><b>ECF, P2P penjanaan modal alternatif PKS mikro – SC</b></p> <p>Pasaran pembiayaan platform pendanaan ekuiti ramai (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P) menyediakan pembiayaan alternatif bernilai hampir RM706 juta kepada 1,943 syarikat mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia pada 2019.</p> <p>Pasaran ECF, beneficiari utama termasuk sektor Borong dan Perdagangan Runcit serta Pembalikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal; dan Maklumat dan Komunikasi, masing-masing merangkumi 20 peratus dan 11 peratus daripada jumlah dana yang dikumpulkan.</p> <p>Pembiayaan P2P adalah bagi sektor Borong dan Perdagangan</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/677944/ecf-p2p-penjanaan-modal-alternatif-pks-mikro-sc">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/677944/ecf-p2p-penjanaan-modal-alternatif-pks-mikro-sc</a>

		Runcit serta Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal, yang meliputi 42 peratus daripada jumlah dana yang dikumpulkan.	
3.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Industri buluh antara tumpuan kerajaan dalam RMK-12</b></p> <p>Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) akan terus memberi penekanan ke atas pembangunan industri buluh sebagai program 'game changer' dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).</p> <p>Sumbangan eksport industri berdasarkan buluh negara masih rendah iaitu sekitar RM9 juta pada 2019. Terdapat kira-kira 100 pengusaha buluh dalam pelbagai kategori seperti perabot, makanan, fabrik, kraftangan, kutleri, pembinaan dan eko-pelancongan.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/677798/industri-buluh-antara-tumpuan-kerajaan-dalam-rmk-12">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/677798/industri-buluh-antara-tumpuan-kerajaan-dalam-rmk-12</a>
4.	<b>The Edge</b>	<p><b>Malaysia may lose RM31 billion per year if oil prices remain at US\$30 per barrel</b></p> <p>Malaysia may lose RM30.9 billion in fiscal revenues per annum if oil prices remain low, which would further strain the nation's finances.</p> <p>If crude oil prices stay around the US\$30 per barrel mark from today till 2030, the world can expect a decrease of US\$170 billion in capital investments in new production capacity and US\$616 billion in government revenues on</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/ideas-malaysia-may-lose-rm31-bil-year-if-oil-prices-remain-us30-barrel">https://www.theedgemarkets.com/article/ideas-malaysia-may-lose-rm31-bil-year-if-oil-prices-remain-us30-barrel</a>

	<p>average, per year, compared with a scenario of prices at US\$60 per barrel.</p> <p>Malaysia is also expected to lose per annum US\$1.7 billion in new capital investment as well as US\$7.1 billion (RM30.9 billion) in fiscal revenue from the oil and gas (O&amp;G) segment, which would put further pressure on the country's finances.</p>	
--	---	--

#### Penemuan penting & isu:

1. Perbelanjaan pengguna terhadap barang keperluan harian (runcit) meningkat dalam tempoh PKP terutama bagi pembelian barang pembersihan diri (hygiene) dan pembasmi kuman.
2. Pasaran pembiayaan platform pendanaan ekuiti ramai (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P) menyediakan pembiayaan alternatif yang memberi kebaikan kepada sektor Borong dan Perdagangan Runcit, Kenderaan Bermotor serta Maklumat dan Komunikasi.
3. Pembangunan industri buluh diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia ke-12.
4. Malaysia dijangka akan mengalami kerugian sebanyak RM30.9 bilion pada tahun ini sekiranya harga minyak mentah dunia kekal pada paras 30 USD per barrel.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Kejatuhan harga minyak mentah dunia secara tidak langsung akan menjaskan prestasi sektor Perdagangan Borong & Runcit.
2. Fokus RMK-12 kepada industri buluh akan memberi kesan positif kepada industri pemborongan dan peruncitan perabot dan barang buluh/rotan.
3. Peningkatan perbelanjaan barang keperluan harian akan memberi kesan positif secara tidak langsung kepada prestasi subsektor Perdagangan Runcit.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	FMT	<p><b>Top LNG buyers seek cargo delays as virus, oversupply slashes demand</b></p> <p>The world's top buyers of liquefied natural gas are seeking to defer shipments as</p>	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/business/2020/04/16/top-lng-buyers-seek-cargo-delays-as-virus-oversupply-slashes-demand/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/business/2020/04/16/top-lng-buyers-seek-cargo-delays-as-virus-oversupply-slashes-demand/</a>

		<p>the coronavirus pandemic cripples demand and forces more of the heating and power fuel into storage that is nearing capacity.</p> <p>The virus has already disrupted LNG deliveries across Asia. Indian importers this week requested further delays to shipments after the government extended a nationwide lockdown until May 3.</p> <p>Several buyers in North Asia have exercised so-called “downward quantity tolerance” clauses in their long-term contracts, which allow them to take up to 10% less volume than originally agreed. Earlier this year, buyers in China, where the virus first hit, declared force majeure on some cargoes.</p> <p>A Kogas spokesman Thursday said the company has delayed or reduced some supplies contracted for delivery this year, including from Malaysia and Qatar.</p>	<a href="#"><u>oversupply-slashes-demand/</u></a>
2.	<b>Bernama</b>	<p><b>Rubber glove exports expected to hit RM20 bln in 2020</b></p> <p>Malaysia, the world's top rubber glove producer, expects to export 225 billion units worth some RM20 billion this year, up from 170 billion units valued at RM17.3 billion last year.</p> <p>Deputy Minister of Plantation Industries and Commodities</p>	<a href="https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1832769">https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1832769</a>

		<p>Willie Mongin said the Malaysian Rubber Glove Manufacturers Association (MARGMA) estimates global demand for rubber gloves at 330 billion units.</p> <p>Willie said Malaysia is also the main rubber glove supplier to the medical sector.</p>	
3.	<b>The Star</b>	<p><b>Virus about to hit banana supplies</b></p> <p>The coronavirus pandemic may limit supplies of bananas in Asia. Growers in the Philippines, the world's second-biggest exporter, said overseas shipments may drop by nearly 40% this year as lockdowns and social distancing measures curb output and transport.</p> <p>The country's exports of the fruit are expected to plunge to about 2.5 million tonnes this year from four million last year, said Stephen Antig, executive director of the Pilipino Banana Growers and Exporters Association. Producers, including Unifrutti Tropical Philippines Inc, have halted some operations, he said.</p> <p>"Bananas have to be harvested every day" said Alberto Bacani, president of Unifrutti Philippines. "By the time we come back, a lot of that fruit will be spoiled and will have to be thrown away."</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/16/virus-about-to-hit-banana-supplies">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/16/virus-about-to-hit-banana-supplies</a>

## Penemuan penting & isu:

1. Impak Covid-19 telah mengganggu penghantaran LNG di seluruh Asia. Pembeli di Korea Selatan dan Jepun, termasuk Korea Gas Corp. dan Tokyo Gas Co., dijangka menangguhkan kargo yang dijadualkan untuk dihantar sehingga Oktober. Beberapa pembeli di Asia Utara telah menggunakan klaus "toleransi pengurangan kuantiti" dalam kontrak jangka panjang mereka, yang membolehkan mereka mengambil volum sehingga 10% lebih rendah daripada yang telah disepakati. Awal tahun ini, pembeli di China, menyatakan berlaku *force majeure* pada beberapa kargo. Korea Gas Corp. (KOGAS) mengatakan bahawa syarikat telah menangguhkan atau mengurangkan beberapa bekalan yang dikontrak untuk dihantar tahun ini, termasuk dari Malaysia dan Qatar. Sementara itu, inventori LNG negara yang sudah tinggi pada akhir bulan Mac akan menghadkan potensi simpanan dalam beberapa bulan akan datang. Syarikat Jepun, yang merangkumi Tokyo Gas, Jera Co, Kansai Electric Power Co dan Osaka Gas Co, telah meminta penangguhan kargo untuk bulan April, Mei dan Jun. Persediaan di beberapa terminal di wilayah Kanto dan Kansai yang padat penduduk di pulau utama Jepun dijangka mencapai tahap "tank-top" pada awal musim panas. Jepun mengisyiharkan tempoh darurat satu bulan dari 7 April untuk Tokyo, serta wilayah Osaka, Kanagawa, Saitama, Chiba, Hyogo dan Fukuoka.
2. Kilang membuat alat perubatan dan pembedahan terutama sarung tangan getah dibenarkan untuk terus beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (MCO). Malaysia, pengeluar sarung tangan getah terbesar di dunia, menjangka akan mengeksport 225 bilion unit bernilai sekitar RM20 bilion tahun ini, meningkat daripada 170 bilion unit bernilai RM17.3 bilion tahun lalu. Persatuan Pengilang Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA) menganggarkan permintaan global untuk sarung tangan getah pada 330 bilion unit.
3. Filipina menyumbang sekitar 20% penghantaran pisang global pada tahun 2019 dan sekitar 90% daripada jumlah eksport di Asia, dengan dua pasaran utamanya adalah China dan Jepun, menurut laporan 2020 dari Organisasi Makanan dan Pertanian PBB. Ecuador adalah pengeksport terbesar. Pulau utama di Filipina, Pulau Luzon telah dikurung sejak pertengahan Mac yang akan berlangsung hingga akhir April.

## Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport **gas asli cecair, LNG** (HS 271111) pada tahun 2019 mencecah RM41.5 bilion. Destinasi utama eksport pada 2019 adalah Jepun (RM16.3 bilion, 39.2%), diikuti China (RM10.0 bilion, 24.0%) dan Korea (RM7.5 bilion, 18.0%). Bagi tempoh Januari hingga Februari 2020, eksport LNG merekodkan nilai RM7.4 bilion, jatuh RM955.6 juta atau 11.5% berbanding RM8.3 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu. Kejatuhan nilai eksport terutamanya daripada China (-RM666.4 juta, -41.7%), Thailand (-RM321.4 juta, -68.0%) dan Jepun (RM214.0 juta, -5.3%). Manakala, import LNG pada 2019 bernilai RM5.4 bilion dengan

- sumber import daripada Australia dan Brunei. Eksport LNG dijangka menurun pada tahun 2020 berikutan permintaan yang lemah susulan pergerakan terkawal di seluruh dunia bagi menekan penularan Covid-19.
2. Malaysia merupakan pengeluar terbesar **sarung tangan getah** (HS 4015) dan membekalkan kira-kira 65% kepada permintaan dunia dengan nilai eksport mencecah RM17.4 bilion pada tahun 2019. Tiga destinasi utama eksport Malaysia bagi tahun 2019 ialah Amerika Syarikat (RM6.4 bilion, 36.9%), Jerman (RM1.2 bilion, 7.0%) dan Jepun (RM1.1 bilion, 6.3%). Bagi tempoh Januari hingga Februari 2020, nilai eksport merekodkan RM3.1 bilion, peningkatan sebanyak RM418.0 juta atau 15.5% berbanding RM2.7 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu. Malaysia juga mengimport sarung tangan getah dengan nilai RM250.5 juta pada tahun 2019. Perdagangan bagi sarung tangan dijangka meningkat pada tahun 2020 berikutan permintaan yang tinggi susulan penularan Covid-19.
  3. Filipina merupakan sumber import utama buah **pisang** (HS 0573) kepada Malaysia. Pada 2019, nilai import pisang dari Filipina bernilai RM32.3 juta atau 52.6% daripada jumlah import keseluruhan RM61.4 juta. Selain Filipina, sumber import pisang utama negara adalah Vietnam dengan nilai import direkodkan RM19.4 juta (31.5%). Bagi tempoh Januari hingga Februari 2020, import pisang mencatatkan RM12.3 juta, peningkatan RM4.5 juta (58.6%) berbanding RM7.7 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu. Malaysia juga mengeksport buah pisang terutamanya ke Singapura dengan nilai RM29.7 juta pada tahun 2019.
  4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star Online	<p><b>Contractors seek RM1.7mil they say the govt owes them</b></p> <p>A group of contractors here who had completed government projects in 2018 are seeking payment amounting to RM1.7mil from the Federal Government.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/15/contractors-seek-rm17mil-they-say-the-govt-owes-them">https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/15/contractors-seek-rm17mil-they-say-the-govt-owes-them</a>
2.	BH Online	<p><b>Kebenaran operasi tahap 50 peratus</b></p> <p>Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677942/kebenaran-operasi-tahap-50-peratus">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677942/kebenaran-operasi-tahap-50-peratus</a>

		<p>(MITI) hanya memberi kebenaran kepada syarikat berkenaan beroperasi pada tahap 50 peratus dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p> <p>Syarikat yang mendapat kebenaran perlu mengemukakan senarai pekerja yang terbabit ketika tempoh PKP bagi memastikan pergerakan pekerja terbabit hanya terhad dari rumah ke kilang/premis sahaja.</p>	
3.	<b>Malakat Tribune News</b>	<p><b>Pasukan khas pantau industri pembinaan dibenarkan beroperasi</b></p> <p>Satu pasukan penguat kuasa melibatkan beberapa agensi kerajaan diwujudkan bagi memantau dan menguatkuasa pematuhan syarikat pembinaan yang diluluskan beroperasi serta mengambil tindakan terhadap syarikat beroperasi tanpa kelulusan.</p> <p>Pasukan penguat kuasa itu tediri daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).</p>	<a href="http://www.malakattri bunenews.com/berita/berita-semasa/10537/">http://www.malakattri bunenews.com/berita/ berita- semasa/10537/</a>
4.	<b>BH Online</b>	<p><b>MITI terima 18,650 permohonan beroperasi ketika PKP 3</b></p> <p>MITI menerima 18,650 permohonan secara dalam</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677927/miti-terima-18650-permohonan-">https://www.bharian. com.my/berita/nasio nal/2020/04/677927/ miti-terima-18650- permohonan-</a>

		talian pada hari pertama permohonan dibuka untuk syarikat dalam sektor tertentu yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Ketiga.	<a href="#"><u>beroperasi-ketika-pkp-3</u></a>
5.	<b>New Straits Times</b>	<p><b>Crest Builder has property projects worth RM2.5 billion coming up</b></p> <p>Crest Builder Holdings Bhd may go ahead and launch its three new property development projects in Klang Valley, worth about RM2.5 billion collectively, albeit cautiously.</p> <p>This includes the long-delayed mixed commercial project, Latitud8, a joint-venture (JV) development with Prasarana Malaysia Bhd.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/property/2020/04/584783/crest-builder-has-property-projects-worth-rm25-billion-coming">https://www.nst.com.my/property/2020/04/584783/crest-builder-has-property-projects-worth-rm25-billion-coming</a>

#### Penemuan penting & isu:

1. Kontraktor di Sabah yang terlibat dengan pembinaan Tabika Kemas pada tahun 2018 masih belum menerima bayaran dari Kerajaan Persekutuan.
2. Sektor ekonomi tambahan terpilih yang dibenarkan beroperasi ketika PKP fasa ketiga antaranya industri automotif, mesin dan peralatan, aeroangkasa, projek pembinaan dan perkhidmatan berkaitan pembinaan, perkhidmatan sains, profesional dan teknikal termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), perkhidmatan kesihatan sosial termasuk perubatan tradisional berdaftar, perkhidmatan kedai ‘hardware’, barang elektrik dan elektronik serta perkhidmatan dobi (bukan layan diri).
3. 52 peratus dari jumlah permohonan untuk beroperasi semasa PKP yang diterima oleh MITI datangnya daripada individu, bukannya syarikat.
4. Latitud8 kemungkinan dilancarkan menjelang akhir tahun 2020, bergantung kepada hasil dari situasi Covid-19 dan juga keadaan pasaran. Projek mixed development di Kelana Jaya (RM1bil) dan kediaman di Klang (RM0.5bil.) antara projek yang akan dijalankan pada 2021.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Memantau kemajuan fizikal projek Tabika Kemas di Sabah dalam survei pembinaan suku tahunan.
2. Semakan industri dan syarikat yang terpilih yang dibenarkan beroperasi sepanjang PKP.

3. Pemantauan kepada projek-projek mega yang bakal dianugerahkan kepada syarikat pada masa akan datang.			
<b>E.</b>	<b>Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p><b>Ringgit dibuka rendah, RM4.36 sedolar</b></p> <p>Ringgit dibuka rendah pada 4.3600/3700 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) daripada 4.3350/3400 semasa ditutup semalam berikutan sentimennya yang terjejas oleh kejatuhan harga minyak dunia (WTI) di bawah AS\$20 setong berikutan bimbang mengenai permintaan yang mungkin merosot disebabkan pandemik Covid-19. Ringgit juga diniagakan rendah berbanding sekumpulan mata wang utama lain seperti dolar Singapura, pound dan euro.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/677756/ringgit-dibuka-rendah-rm436-sedolar">https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/677756/ringgit-dibuka-rendah-rm436-sedolar</a>
2.	The Star	<p><b>Bursa bucks regional trend</b></p> <p>Going against the trend, the FBM KLCI was one of the few bourses that finished green in a sea of red, as weakening oil prices once again weighed in on investor sentiment. Prices of the US West Texas Intermediate (WTI) continued to be pummelled despite the recent Opec+ deal for a record supply cutting agreement. Meanwhile, in Malaysia, the FBM KLCI – seemingly in a bubble of its own – was flashing green, with the index hitting a day high of 1,394.66 around 3pm. Nonetheless the gloomier regional sentiment began to see some profit taking</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/16/fbm-khci-closes-green-in-a-sea-of-red">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/16/fbm-khci-closes-green-in-a-sea-of-red</a>

		and many of the morning gains began to reverse.	
3.	Bernama	<p><b>Pemulihan ekonomi dorong permintaan minyak mentah pada suku ketiga, keempat 2020</b></p> <p>Permintaan terhadap minyak mentah dijangka meningkat pada suku ketiga dan keempat tahun ini sehingga mencecah 90 juta tong sehari seiring dengan pemulihan ekonomi global. Penanda aras antarabangsa minyak mentah Brent diniagakan AS\$28.27 setong hari ini, merosot 4.49 peratus dengan permintaan berjumlah 30 juta tong sehari. Pengurangan pengeluaran akan membantu menstabilkan pasaran minyak di antara AS\$47 dan AS\$59 setong, antara lain disebabkan kelemahan dolar US dan risiko geopolitik. Ekonomi global akan meningkat semula dan kebanyakan permintaan untuk tenaga adalah dari Asia.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1832285">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1832285</a>
4.	The Star	<p><b>Upside for M'sia limited despite better China trade data</b></p> <p>Despite Chinese trade data in March coming in above market expectations, economists say they are not optimistic that Malaysia will see much upside. This was because there was no guarantee of continued improvement in China's trade, especially given the continued lockdowns in major cities across the globe. Domestically, economic output has also been curtailed by containment</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/16/upside-for-msia-limited-despite-better-china-trade-data">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/16/upside-for-msia-limited-despite-better-china-trade-data</a>

		measures and there is also the risk of the Movement Control Order being extended for an even longer period, such that even if global situation were to significantly improve, Malaysia may find it difficult to ramp up production to meet demand.	
5.	<b>The Star</b>	<p><b>Global semicon sales see 7% fall</b></p> <p>Global sales of semiconductor equipment fell 7% to US\$59.80bil in 2019 from an all-time high of US\$64.50bil a year ago, according to latest data from a United States-based industry group. Earlier in April, the worldwide sales of semiconductors fell by 2.4% to US\$34.50bil in February from US\$35.40bil in January. The demand in the China market slipped significantly and the full impact of the Covid-19 pandemic on the global market has yet to be captured in available sales numbers. Regionally, month-on-month sales increased in Japan by 6.9% and Europe 2.4%, but decreased in Asia Pacific/All others (-1.2%), the Americas (-1.4%), and China (-7.5%).</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/16/global-semicon-sales-see-7-fall">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/16/global-semicon-sales-see-7-fall</a>
<p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ringgit dibuka rendah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) hari ini dan FBM KLCI mencecah 1,394.66 mata (tertinggi dalam sehari) pada pukul 3 petang antara pasaran saham yang ditutup hijau berikutan sentimen pelabur yang terjejas oleh kejatuhan harga minyak dunia (WTI) di bawah AS\$20 seteng akibat kebimbangan mengenai permintaan yang merosot disebabkan sekatan perjalanan keluar masuk bagi membendung penularan COVID-19.</li> </ol>			

2. Permintaan terhadap minyak mentah dijangka meningkat pada suku ketiga dan keempat tahun ini sehingga mencecah 90 juta tong sehari seiring dengan pemulihan ekonomi global.
3. Walaupun perdagangan China telah menunjukkan prestasi yang melebihi jangkaan pasaran pada bulan Mac, perdagangan Malaysia tidak semestinya dapat mencapai prestasi yang sama berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih lagi dijalankan di bandar-bandar utama di seluruh dunia.
4. Pada tahun 2019, hasil jualan semikonduktor di dunia telah menurun 7% kepada AS\$59.80 bilion. Tahun ini, penjualan semikonduktor di seluruh dunia turun sebanyak 2.4% kepada AS\$34.50 bilion pada bulan Februari daripada AS\$35.40 bilion pada bulan Januari dan didapati permintaan di pasaran China merosot dengan ketara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Ringgit yang telah dibuka rendah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dan Prestasi FBM KLCI yang mempengaruhi sentimen pelabur-pelabur di pasaran akan menjelaskan penyusunan statistik Imbangan Pembayaran terutamanya Akaun Kewangan melalui komponen Pelaburan Portfolio.
2. Permintaan terhadap minyak mentah dijangka meningkat pada suku ketiga dan keempat tahun ini serta prestasi perdagangan Malaysia antara China bakal mempengaruhi penyusunan statistik Akaun Semasa melalui komponen Akaun Barang. Pada 2019, lebihan akaun barang adalah RM125.5 bilion di mana eksport barang mencatatkan sebanyak RM817.8 bilion manakala import pula merekodkan RM692.2 bilion.
3. Akhbar 5: Malaysia sebagai salah satu negara yang mengeksportkan semikonduktor juga akan terjejas hasil jualannya dalam tempoh wabak COVID-19. Komponen E&E dalam Akaun Barang akan dipengaruhi susulan dengan penurunan hasil jualan semikonduktor. Sumbangan eksport seksyen barang Jentera & Kelengkapan Pengangkutan adalah 43.9 peratus pada tahun 2019. Penurunan hasil jualan syarikat berkaitan semikonduktor turut akan memberi impak kepada penyusunan statistik Pelaburan Langsung di Malaysia.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b>	<b>Pekerja syarikat dibenarkan operasi wajib jalani saringan</b>  Semua pekerja syarikat dalam sektor dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677939/covid-19-pekerja-syarikat-dibenarkan-operasi-wajib-jalani-saringan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677939/covid-19-pekerja-syarikat-dibenarkan-operasi-wajib-jalani-saringan</a>

		<p>diwajibkan menjalani saringan COVID-19 terlebih dahulu.</p> <p>Sebagai langkah keselamatan untuk menjamin semua kakitangan syarikat yang dibenarkan beroperasi adalah bebas COVID-19, MITI akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO, di mana pekerja diwajibkan menjalani saringan COVID-19.</p> <p>Majikan yang memohon untuk beroperasi perlu memastikan pekerja menjalani saringan di lebih 3,000 klinik panel PERKESO seluruh negara mengikut garis panduan ditetapkan Kementerian Kesihatan</p> <p>PERKESO akan menanggung kos berdasarkan rekod pekerja yang sudah berdaftar.</p>	
2.	<b>Bernama</b>	<p><b>Sabah will focus on main productive sectors to speed up economic development</b></p> <p>Sabah will give focus to the growth of its main productive sectors namely tourism, industry and agriculture in a bid to speed up the development of the state's economy.</p> <p>The focus is in tandem with the state government to ensure Sabah's development policy stand on firm ground.</p> <p>The industrial sector, especially manufacturing-based, would be given focus to become a</p>	<a href="https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1832618">https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1832618</a>

		catalyst in generating more employment opportunities for the people especially during the implementation of the 12th Malaysia Plan (2021-2025).	
